

# → HALAMAN KOTA

**ADUAN PERSACA**  
Pembantu yang ingin melaporkan pelanggaran keselamatan boleh e-mel ke [khnews@dbkl.com.my](mailto:khnews@dbkl.com.my)



Sebahagian daripada Taman Rimba Kiara di Taman Tun Dr Ismail akan dibina apartmen.



Taman Rimba memiliki habitat lebih 40 spesies burung.

## Mahkamah panggil DBKL bulan depan

➔ Penduduk menuntut semakan kehakiman tindakan PBT lulus projek

Oleh Mohd Farkhan Abdul Ghapar  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

► Kuala Lumpur

Cadangan pembangunan sebahagian tapak Rimba Kiara (TRK) di Taman Tun Dr Ismail (TTDI) di sini yang mendapat bantahan penduduk, akan diputuskan oleh mahkamah, bulan depan.

Ini berikutan Persatuan Penduduk Taman Tun Dr Ismail (TTDI RA) memfailkan tindakan undang-undang yang meminta mahkamah melakukan semakan kehakiman terhadap keputusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meluluskan projek itu.

Kertas semakan kehakiman diantar kepada DBKL dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ihd Amin Nordin Abd Aziz sebagai

responden pada 28 Ogos lalu.

Ketua Jawatankuasa Bertindak Selamatkan Taman Rimba Kiara, Leon Kooy, berkata TTDI RA dan DBKL sudah ditetapkan supaya hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 6 September ini untuk pengurusan kes bagi prosiding tuntutan semakan kehakiman berhubung isu berkenaan.

Belliau berkata, penduduk membuat tuntutan semakan kehakiman bagi menyemak segala kerja pentadbiran dan tindakan yang dilaksanakan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu berhubung projek pembinaan lapan blok apartmen mewah di atas sebahagian tapak TRK.

Katanya, penduduk amat serius dalam perkara itu dan akan menggunakan undang-undang untuk mempertahankan taman rimba berkenaan.

### Gagal berbincang

"Kami memfailkan tindakan undang-undang yang meminta mahkamah menjalankan semakan kehakiman terhadap keputusan DBKL untuk meluluskan projek itu.

"Sudah berkali-kali penduduk meminta DBKL untuk mengadakan perjumpaan dan perbincangan, namun sehingga kita mereka gagal berbuat demikian. Oleh itu penduduk mengambil tindakan ini

sebagai cara terakhir untuk menyelesaikan masalah.

"Semakan itu termasuk meminta mahkamah untuk membatalkan kebenaran perancangan pembangunan, membatalkan aktiviti pembangunan dan perintah untuk mewartakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020," katanya pada sidang media di Dewan Komuniti TTDI, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi TTDI RA, Abdul Hafiz Abu Bakar dan beberapa ahli Jawatankuasa Bertindak 'Selamatkan Taman Rimba Kiara'.

### Jejas ekosistem

Pada 8 Mei lalu, Halaman Kota menyiarkan cadangan penduduk untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap DBKL sebagai usaha terakhir mereka membantah cadangan pembangunan di TRK.

Mereka mendakwa projek itu akan menyebabkan ekosistem di kawasan perumahan itu dan taman rimba sebagai kawasan hijau akan terjejas selain peningkatan kepadatan penduduk serta merumitkan masalah kesesakan lalu lintas yang sedia ada.

Penduduk kesal dengan tindakan DBKL kerana meluluskan cadangan projek berkenaan sedangkan taman rimba itu diakui se-

bagai taman awam yang perlu dilekalkan untuk kegunaan orang ramai melakukan pelbagai kegiatan.

Penduduk mendakwa, pembangunan di TRK yang sebelum ini dicadangkan, bukan sahaja memabihkan pembinaan apartmen mewah, malah akan juga dibina sambungan enam lorong lebuh raya di kawasan itu.

Lebuh raya berkenaan didakwa akan menghubungkan Lebuhraya Penchala Link ke Plaza VADS yang akan melalui Jalan Datuk Sulaiman di TTDI.

Desakan orang ramai supaya cadangan pembangunan di kawasan itu tidak diteruskan bukan sekadar bimbang terhadap kesan ditimbulkan, tetapi juga gangguan kepada habitat fauna di kawasan itu.

Kawasan rimba rekreasi itu dikecualikan menjadi habitat lebih 40 spesies unggas termasuk beberapa burung tempatan seperti Punal Gading (Treron Vernans) dan Kelicap Mayang Kelapa (Anthreptes Malacesis) serta burung pemangsa, Helang Sewah Besar (Crested Goshawk).

Difahamkan sebahagian daripada blok apartmen berkenaan adalah rumah gantian bagi 100 keluarga Rumah Panjang Bukit Kiara yang terlietak bersebelahan dengan taman rimba berkenaan.

### Kronologi

#### Projek di Taman Rimba Kiara

- ➔ **Jun 2016:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menampal nota cadangan projek di pintu masuk TRK.
- ➔ **26 Jun 2016:** penduduk melakukan bantahan aman di TRK.
- ➔ **29 Jun 2016:** Penduduk serah 5,600 petisyen bantahan kepada DBKL.
- ➔ **29 Ogos 2016:** DBKL mengadakan taklimat bersama penduduk.
- ➔ **September 2016 - Januari 2017:** Tiada maklum balas dan DBKL.
- ➔ **15 Februari 2017:** DBKL terima permohonan daripada pemaju dan menukar status taman awam kepada pembangunan bercampur.
- ➔ **28 Februari 2017:** DBKL beri geran kelulusan pembangunan kepada pemaju.
- ➔ **7 Mei 2017:** Penduduk membuat bantahan besar-besaran.
- ➔ **13 Julai 2017:** DBKL meluluskan cadangan pembangunan.
- ➔ **11 Ogos 2017:** Penduduk memfailkan permohonan semakan kehakiman.
- ➔ **23 Ogos 2017:** Surat semakan kehakiman dihantar kepada DBKL dan Datuk Bandar.
- ➔ **6 September:** Sesi pengurusan kes dijadual diadakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.



Leon Kooy (kanan) dan Abdul Hafiz pada sidang media, semalam.